



مركز الدراسات الإسلامية والعربية ولايت Johor (مَرْسَاة)
**KOLEJ PENGAJIAN ISLAM JOHOR
(MARSAH)**

**MEMO ANTARA
JABATAN / BAHAGIAN / KULIYYAH**

RUJ. TUAN :	TARIKH : 05 Oktober 2020
RUJ. KAMI : MARSAH/PPA/100-16/3 (67)	
PERKARA : MAKLUMAN BERKAITAN PROSEDUR AKHIR SEMESTER JUN 2020 DAN AWAL SEMESTER NOVEMBER 2020	
KEPADA : <ul style="list-style-type: none">SEMUA PELAJAR	SALINAN : <ul style="list-style-type: none">SEMUA DEKANSEMUA KETUA PROGRAMHEPA

DARIPADA : PEJABAT PENDAFTAR

Merujuk kepada perkembangan dari semasa ke semasa pandemik COVID-19 mutakhir ini, pihak MARSAH melalui Jawatankuasa Keselamatan yang bermesyuarat pada 04 Oktober 2020 memutuskan agar semua pelajar mengambil langkah/tindakan seperti berikut:

- Dinasihatkan untuk tidak bercuti ke tempat, kawasan, daerah atau negeri yang berisiko (zon kuning dan zon merah). Melakukan pemeriksaan dan kuarantin sendiri (*self quarantine*) setelah pulang bercuti sekiranya bergejala dengan makluman kepada pihak-pihak berkaitan.
- Tidak digalakkan mengikuti atau menjalankan aktiviti-aktiviti berkumpulan (seminar/bengkel/sukan dan yang seumpamanya).
- Sentiasa menggunakan aplikasi MySejahtera apabila mengunjungi tempat, kawasan, daerah atau negeri yang dikunjungi.
- Sentiasa berwaspada dan menjaga diri dengan memastikan kediaman masing-masing dalam keadaan selamat dan tanpa risiko jangkitan COVID-19.

2. Sehubungan dengan itu, Pejabat Pendaftar ingin memaklumkan beberapa tindakan yang perlu diambil oleh semua pelajar seperti yang dinyatakan dalam lampiran.

3. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh berhubung terus dengan Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Bahagian Pengurusan Akademik, Bahagian Peperiksaan, Dekan Sekolah atau Ketua Program (KP) masing-masing.

Sekian untuk makluman dan tindakan pihak tuan dan terima kasih.

(MUHAMMAD SANUSI BIN MD. NOH)

Pendaftar

Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH)

BAHAGIAN PEPERIKSAAN

PEPERIKSAAN AKHIR BAGI PELAJAR SEMESTER 1

- Semua pelajar semester 1 Diploma Syariah Islamiah, Diploma Usuluddin, Diploma Pendidikan Islam, Diploma Perbankan Islam dan Diploma Kewangan Islam akan tamat peperiksaan akhir secara bersemuka pada 11 Oktober 2020.
- Pelajar semester 1 Diploma Tahfiz Al Quran akan tamat peperiksaan akhir secara bersemuka pada 12 Oktober 2020.

HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

PERGERAKAN PULANG PELAJAR SEMESTER 1

- Semua pelajar semester 1 yang telah tamat peperiksaan akhir akan dibenarkan pulang ke kediaman masing-masing.
- Semua pelajar perlu mematuhi jadual perjalanan pulang yang telah ditetapkan (Seperti di jadual satu).
- Pelajar perlu mengisi Google Form yang disediakan oleh pihak Pengurusan Asrama bagi kelancaran pelaksanaan pulang.
- Pelajar perlu mematuhi SOP yang telah ditetapkan di sepanjang proses pengurusan pulang ke kediaman masing-masing.

Jadual Perjalanan Pulang ke Kampung Sempena Cuti Akhir Semester Sesi Jun 2020

Tarikh	Diploma	Masa
12 Oktober 2020 (Pulang bersama ibubapa/penjaga)	Perbankan, Kewangan dan Pendidikan Islam	(8.30 pg – 12.30 tghri)
	Syariah dan Usuluddin	(2.00 – 5.00 petang)
13 Oktober 2020 (Pulang bersama ibubapa/penjaga)	Tahfiz	(8.30 pg – 12.30 tghri)
13 Oktober 2020 (Pulang dengan kenderaan MARSAH)	Pelajar yang membuat permohonan mengikut daerah	8.00 pagi

(Jadual satu)

**** Semua pelajar dan ibubapa dikehendaki mematuhi SOP yang telah ditetapkan. Kaedah pengambilan barang adalah dengan cara *Drive-thru* sahaja. Ibubapa tidak dibenarkan memasuki kawasan parkir asrama.**

SOP Pulang ke Kediaman Sempena Cuti Akhir Semester Sesi Jun 2020

- Ibu bapa/penjaga hendaklah mengambil pelajar di kawasan yang dibenarkan sahaja. Ibu bapa/penjaga tidak dibenarkan memasuki ke kawasan asrama, sebaliknya hanya menunggu di ruang parkir kenderaan yang disediakan.
- Pengambilan pelajar hendaklah secara pandu lalu sahaja.
- Semua pelajar harus mengikut arahan dan jarak yang telah ditetapkan oleh pengurusan asrama.
- Semua pelajar mesti mengikut laluan yang telah ditetapkan.
- Semua pelajar dikehendaki mengosongkan bilik dalam keadaan bersih dan teratur.

BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK

- Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bagi sesi November 2020 akan bermula pada 22 November 2020.
- Makluman berkenaan kaedah pembelajaran akan dimaklumkan pada awal November 2020 sama ada dijalankan secara bersemuka atau secara atas talian.
- Sesi pendaftaran subjek bagi semester November 2020 akan dimaklumkan dari semasa ke semasa melalui laman sesawang MARSAH.